

Sebuah Dunia Nadir Di Perpustakaan Negara Malaysia



Yang sangat jelas ialah bahawa penting kita membaca daripada dunia yang luas, daripada jalur dan falsafah pemikiran yang berbagai-bagai. Tiada terlihat pagar tinggi yang menjadi sempadan pada minat mereka. Pengarang besar nampaknya harus berdampingan dengan karya-karya besar - daripada seluruh dunia dan bahasa.

OLEH MUHAMMAD HAJI SALLEH
(SASTERAWAN NEGARA)

Saya memasuki tingkat 10 bangunan baru Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan perasaan seorang yang akan memasuki suatu dunia rahsia dan langka - yang tidak ditemui dalam ruang kehidupan harian. Didahului dengan pameran buku dan majalah lama yang menjadi semacam pengenalan dan pembangkit cita rasa, maka saya pun terus berhadapan dengan rak yang ditandai oleh nama-nama yang saya kenal dan penting pula dalam dunia ilmu dan sastera kita. Ruang ini menyimpan buku-buku daripada kumpulan peribadi pengarang tersohor seperti Za'ba, Abdul Rahman al-Ahmedi, Pak Sako, N.A. Halim, Rossini, Said Zahari, dan Wan Mohd Saghir.

Daripada John Bastin sebuah koleksi khusus yang terjaga dengan penuh kasih

MALYSIANA NADIR

MN
297.57 - 338.39

 *Perpustakaan Negara Malaysia*

sayang. Sementara itu, A. Samad Ismail serta A. Harin Abdullah juga menyumbangkan kepustakaan mereka.

Yang cukup istimewanya ialah projek baru PNM untuk mengumpulkan, selain buku-buku simpanan orang ternama daripada berbagai-bagai bidang ialah usaha mendapatkan semua koleksi Sasterawan Negara Malaysia. Idea ini, saya diberitahu, teretus oleh contoh Perpustakaan Negara China yang menyimpan hampir semua koleksi pengarang penting negara itu.

Kini, koleksi Sasterawan Negara masih dalam proses pengumpulan. Namun, buku-buku kumpulan Noordin Hassan, Abdullah Hussain dan A. Samad Said cukup lengkap dan beragam. Dalam peringkat perolehan terakhir ialah koleksi saya sendiri. Koleksi Kerts Mas dan S. Othman Kelantan masih dalam proses perundingan.

A. SAMAD ISMAIL, PAK SAKO DAN SAID ZAHARI IALAH SASTERAWAN, EDITOR DAN AHLI POLITIK. OLEH HAL YANG DEMIKIAN, KARYA PILIHAN MEREKA MENANDAKAN JELAS MINAT DAN KERJAYA MEREKA INI SELAMA TIDAK KURANG DARIPADA 50 TAHUN, PADA WAKTU NEGARA MALAYSIA MASIH MUDA DAN SEDANG MENCARI PERPADUAN DAN ARAHNYA.



Yang sangat jelas ialah bahawa penting kita membaca daripada dunia yang luas, daripada jalur dan falsafah pemikiran yang berbagai-bagai. Tiada terlihat pagar tinggi yang menjadi sempadan pada minat mereka. Pengarang besar nampaknya harus berdampingan dengan karya-karya besar - daripada seluruh dunia dan bahasa.

Novel dan puisi, perbincangan sastera serta kajian pengarang perseorangan pula menjadi tarikan istimewa. Pada buku yang dikumpulkan meraka, kita membaca watak,

peribadi, minat dan keluasan dunia intelektual mereka. Dan, pengarang yang luas pengalaman sastera dan intelektualnya akan mencipta karya sastera yang luas ruang dan daerahnya dapat memahami manusia di pinggir serta di pusat. Dunia mereka ialah dunia kita yang sebenar, dan kita juga bersyukur bahawa mereka menulis untuk manusia yang berbagai-bagai pendirian, minat dan suku.

Kini, yang telah terkumpul di PNM termasuklah buku-buku simpanan berbagai-bagai pujiannya kita. Rak pertama diberikan kepada karya-karya Za'ba - ahli bahasa tersohor dan awal. Kita disalami oleh buku-buku bahasanya seperti *Pelita Bahasa Melayu* dan *Ilmu Karang Mengarang* yang sangat berpengaruh. Buku-buku ini muncul dalam versi awalnya, Jawi atau Rumi.

Yang jarang-jarang dikenali ialah bahawa Za'ba juga ada menterjemahkan beberapa karya Inggeris ke dalam bahasa Melayu termasuk *Lamb's Tales from Shakespeare*, ringkasan dan penceritaan kembali cerita-cerita terkenalnya, dari *Macbeth* hinggalah *Hamlet*. Beliau juga menterjemahkan *The Prince and the Pauper* oleh Mark Twain, iaitu pengarang kesukaan kanak-kanak. Sebahagian besar projek terjemahan ini adalah untuk menambahkan buku bacaan untuk pelajar sekolah rendah pada tahun 1930-1940-an.

Koleksi N.A. Halim seorang kurator yang bergerak sendiri untuk mendokumentasikan seni bina dan juga warisan binaan di Malaysia - dari zaman purba hinggalah beberapa tahun yang lalu. Beliau meneliti hingga akhir hayatnya. Minat beliau ialah bangunan purba, seni bina Melayu dan juga hal-hal berhubung. Dalam buku-buku serta notanya kita ditemukan kembali dengan dunia yang sudah tiada, atau seni bangunan yang baru kita lewat beberapa tahun ini.


Sementara itu, Rossem dan Zainal Abidin Buang, dua orang pelukis juga menyerahkan sketsa dan lukisan mereka yang berjumlah ribuan - juga sebagai suatu koleksi langka untuk masa depan Malaysia.

A.Samad Ismail, Pak Sako dan Said Zahari ialah sasterawan, editor dan ahli politik. Oleh hal yang demikian, karya pilihan mereka menandakan jelas minat dan kerjaya mereka ini selama tidak kurang daripada 50 tahun, pada waktu negara Malaysia masih muda dan sedang mencari perpaduan dan arahnya.

Antara koleksi Sasterawan Negara, saya melihat Noordin Hassan dan A. Samad Said luas jangkauan pembacaan mereka. Buku lama dan baharu, yang mudah dibeli atau yang susah dicari pun berjaya dijadikan milik mereka. Sementara itu, saya dimaklumkan bahawa dalam koleksi Noordin ialah sejumlah lukisan dan

حزبنا وشيكتياري





Koleksi Abdullah Hussain

sketsa yang dikerjakan untuk kajiannya di Mesir. Bahan ini masih dalam proses pengkatalogan, menurut Cik Nurazura, di Bahagian Perolehan.

Antara koleksi terbesar ialah koleksi yang diserahkan oleh A. Samad Said. Koleksi beliau sangat luas dan

menarik. Samad menghidupi suatu kehidupan yang sarat dengan hasil dunia sastera tempatan dan antarabangsa. Saya lama melewati buku-bukunya dan mendapati terdapat judul-judul buku oleh Allende dan Amy Tan, Goethe dan Ahdaf Souef (*In the eye of the Sun*) dan *First Nights* oleh Fromberg Slaeffter. Selain itu, karya-karya Dominique Lapierre, Timothy Mo, Manuel Puig, Julian Barnes dan Duong Thu Hong, Mo Yan dan Wole Soyinka serta banyak

karya lain daripada pengarang dunia. Oleh itu, saya cukup terkejut akan koleksi Noordin Hassan Samad Said.

Abdullah Hussain mempunyai sebuah kumpulan yang agak kerena sebahagiannya sudah kepada perpustakaan lain. Namun begitu, tanda mastautinnya membawakan cukup banyak dari negara ini.

Sayangnya, karya Shahr Keris Mas dan Usman Awang ini sebahagiannya telah dihibahkan kepada beberapa buah perpustakaan termasuk Perpustakaan Dewan Pustaka, Perpustakaan Kedah, Perpustakaan Universiti Malaysia dan sebagainya.

Namun, kerjasama sebarang antara perpustakaan dengan yang meminati karya sastera yang tiada akan boleh didapati di perpustakaan ini dengan se-



KE
KE
RA
KE
KE
KE
KE